

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,
Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pakej manfaat tambahan **Kecurian Ragut Tingkap Pemandu Wanita**. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda harus membacanya juga.



Tarikh: 01/01/2026

1 Apakah itu Kecurian Ragut Tingkap Pemandu Wanita?

Perlindungan Kecurian Ragut Tingkap Pemandu Wanita merupakan manfaat tambahan pilihan di bawah Sijil Takaful Kereta Persendirian Komprehensif, yang menyediakan pampasan sekiranya cermin hadapan atau tingkap dipecahkan oleh pihak yang tidak dikenali dengan niat untuk mencuri, sehingga mengakibatkan kehilangan barangan yang diletakkan di dalam kenderaan

Kontrak Syariah Yang Diguna Pakai

Kontrak Syariah yang diguna pakai di bawah produk ini ialah Tabarru', Wakalah, Jualah dan Qard. Untuk definisi kontrak syariah, sila rujuk sijil takaful.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Kami akan membayar balik perbelanjaan sebenar yang ditanggung untuk membaiki atau menggantikan cermin hadapan atau cermin tingkap kenderaan sehingga maksimum RM500, tertakluk kepada syarat-syarat dan pengecualian berikut:

1. Kejadian berlaku semasa Pemegang Sijil atau Pemandu Bertauliah memandu kenderaan di atas jalan.
2. Laporan polis telah dibuat di balai polis yang terdekat dengan lokasi kejadian dalam tempoh 24 jam.
3. Pemegang sijil atau pemandu bertaualiah telah mengambil semua langkah munasabah untuk mengelakkan kerugian atau kerosakan lanjut.
4. Perlindungan ini terhad kepada satu (1) kejadian bagi setiap Tempoh Takaful.

Perlindungan ini tamat pada tarikh tuntutan diselesaikan dan tiada pemulihan perlindungan dibenarkan selepas tuntutan diselesaikan.

Sumbangan Tahunan untuk manfaat tambahan ini ialah **RM6.00**

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai perlindungan takaful anda, anda boleh:



Hubungi kami di 1-300-13-8888
(Etiqa Online)



Layari
<https://www.etiqa.com.my/kereta>



Email kepada info@etiqa.com.my



Imbas kod QR

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk manfaat tambahan Kecurian Ragut Tingkap Pemandu Wanita ini, jumlah sumbangan takaful yang perlu anda bayar adalah seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk Takaful Kereta Persendirian Komprehensif utama anda.

* MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA TAHU

A	Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui sijil takaful setiap tahun.
B	Takaful hanya akan berkuatkuasa sebaik sahaja anda telah membayar sumbangan (Bayaran Sebelum Perlindungan).
C	Anda mesti memastikan kenderaan anda dilindungi pada amaun yang berpatutan kerana ia akan menjejaskan amaun yang boleh anda tuntutan.
D	Sekiranya berlaku kemalangan, anda harus maklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh melakukan dengan: a. Buat laporan kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan; b. Makluman boleh dilakukan secara bertulis atau melalui panggilan telefon ke talian Bantuan Tuntutan 1300 88 1007; c. Lengkapkan dan hantar borang tuntutan bersama dokumen sokongan yang lain secepat mungkin; dan d. Anda boleh menghantar kereta anda ke mana-mana bengkel pembaikan yang diluluskan seperti berikut: i. Bengkel pembaikan motor yang terdapat dalam panel bengkel Kami yang diluluskan; atau ii. Mana-mana pembaikan lain yang telah Kami berikan kepada Anda kebenaran khas untuk digunakan. *Sila rujuk sijil takaful untuk butiran lanjut mengenai bengkel Pembaikan yang Diluluskan. *Sila rujuk laman web kami untuk pilihan bengkel pembaikan yang ada. Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk melihat keseluruhan terma dan syarat.
E	Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan sebahagian daripada sumbangan dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan sepanjang tempoh takaful.